

**Gerakan Tolak Pelaksanaan Hudud
Bernama
23 September , 2011**

KUALA LUMPUR, 23 Sept (Bernama) -- Gerakan akan menentang sebarang usaha untuk melaksanakan hudud atau undang-undang teokratik kerana ia bertentangan dengan struktur asas persekutuan dan perlembagaan, kata timbalan presidennya Datuk Chang Ko Youn.

"Kita adalah sebuah negara dengan majoritinya orang Islam tetapi dengan penduduk bukan Islam minoriti yang penting. Struktur asas perlembagaan kita memelihara kepelbagaian ini dan sebab itu kenapa undang-undang punitif adalah sekular dan terpakai kepada semua orang.

"Kita tidak boleh mempunyai satu undang-undang yang berbeza bagi setiap seksyen masyarakat," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, Jumaat.

Dilaporkan bahawa anggota pakatan pembangkang bertelagah berhubung pelaksanaan hukum Hudud.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dilaporkan berkata bahawa hukum Hudud masih belum sesuai untuk dilaksanakan di negara ini sehingga keadaan negara benar-benar kondusif bagi memastikan keamanan dan keadilan benar-benar wujud terlebih dahulu.

Di BACHOK, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Senator Datuk Dr Awang Adek Hussin berkata hukum hudud dan negara Islam yang dicadang dilaksanakan di Kelantan oleh PAS sengaja diperbesarkan kerana parti itu mahu mempertahankan popularitinya yang semakin menurun.

"Kalau mereka ikhlas dan bersungguh-sungguh, kenapa isu yang begitu penting pada agama baru nak laksanakan sekarang (ketika hampir pilihan raya). Ini bermakna PAS tidak ikhlas atau bersungguh-sungguh mengenainya," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan jawatankuasa peti undi Paya Teratai di sini, hari ini.

Beliau berkata dalam soal hudud, PAS sepatutnya mencari kesepakatan dalam pakatan pembangkang yang disertainya sebelum menyuarakan dan membawa usul hudud untuk dibentangkan di Parlimen.

Awang Adek mengulas kenyataan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat semalam bahawa PAS tetap akan menubuhkan negara Islam serta melaksanakan hudud dan rela meninggalkan sekutunya, DAP, jika mereka menentang perjuangan itu.

"Apa yang saya nampak sekarang isu hudud dan penubuhan negara Islam timbul ketika nak pilihan raya dan selepas itu ia hilang, seolah-olah PAS mempermainkan agama demi kepentingan politik," jelasnya.

Beliau bimbang isu itu akan menjejaskan martabat hukum Islam ke taraf memancing undi dan ini merupakan satu penyelewengan besar terhadap kesucian agama Islam.

Di PETALING JAYA, MCA "berterima kasih" kepada Menteri Besar kerana mendesak supaya hukum Hudud dilaksanakan kerana ia akan menyedarkan rakyat Malaysia mengenai kenyataan bahawa parti-parti pembangkang tidak akan bersependapat berhubung isu-isu penting yang membabitkan orang ramai.

Presidennya Datuk Seri Dr Chua Soi Lek berkata: "Nik Aziz menyokong hudud, Datuk Seri Anwar Ibrahim (pemimpin pembangkang) juga menyokong hudud, dalam DAP hanya Karpal Singh sahaja yang bercakap mengenainya dan dia sentiasa membantahnya."

Beliau berkata ini menunjukkan parti-parti pembangkang ada pendirian tertentu berhubung agenda masing-masing.

Di KOTA BAHARU, bekas timbalan menteri besar Kelantan Datuk Rozali Isohak berkata hukum hudud sebenarnya masih tidak mampu dilaksanakan PAS yang hanya bercakap bagi kepentingan politik parti itu semata-mata.

Beliau yang juga Pengerusi Majlis Veteran Umno Kelantan menyokong cabaran bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad sebelum ini agar Nik Abdul Aziz melaksanakan segera hukum hudud jika pemimpin Kelantan itu benar-benar ikhlas.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=615404>